

"Jasa Nuri banyak, tetapi kini selepas lebih empat dekad penggunaannya, sudah tiba masa untuk diganti dengan helikopter generasi baharu

Prof Dr Azmi

HARIAN METRO

HELIKOPTER TERHEMPAS

Nuri dah terlalu tua

Komponen serta besi sudah haus tidak sesuai untuk latihan

Kalidevi Mogan Kumarappa
kalidevi@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Helikopter Nuri yang masih digunakan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) untuk tujuan menghantar bekalan dan latihan dianggap sudah terlalu lama dalam perkhidmatan kerana digunakan sejak 1967.

Perkhidmatan yang terlalu lama ini berkemungkinan menyebabkan komponen serta besi pesawat itu berkemungkinan tinggi sudah haus.

Itu dinyatakan Pakar Geostrategis, Prof Dr Azmi Hassan yang turut menyarankan pesawat yang digunakan paling lama oleh TUDM itu sepatutnya dihentikan perkhidmatannya demi keselamatan anggota tentera yang menggunakannya.

Beliau berpendapat Nuri sepatutnya diganti dengan pesawat baharu kerana ia sudah tidak sesuai digunakan untuk tujuan latihan kerana dikhuatiri mengalami masalah teknikal.

"Jasa Nuri banyak, tetapi kini selepas lebih empat dekad penggunaannya, sudah tiba masa untuk diganti dengan helikopter generasi baharu.

"Meskipun penukaran pesawat Nuri itu akan memakan belanja yang banyak namun demi keselamatan anggota tentera, perbelanjaan yang besar itu tidak patut menjadi halangan," katanya.

Beliau berkata demikian mengulas kejadian nahas membabitkan helikopter Nuri di Sekolah Menengah

Kebangsaan (SMK) Balung, Tawau, Sabah semalam yang mengakibatkan lapan pelajar, seorang pekerja pembersihan sekolah dan 13 kru pesawat cedera termasuk juruterbangnya parah.


Mengulas lanjut, Azmi berkata, masalah teknikal yang boleh menjadi punca nahas helikopter Nuri tidak berlaku akibat kerja penyelenggaraan sebaliknya ia boleh berlaku kerana diselenggara terlalu kerap.

"Mekanikal helikopter ini

amat sensitif, malah setiap komponennya seperti kipas dan pengimbas tidak boleh diselenggara terlalu kerap. Jika berlaku kesilapan sedikit, ia boleh membawa mudarat.

"Memang diakui masalah teknikal boleh diperbaiki melalui penyelenggaraan namun jika pesawat yang sudah lama digunakan malah jumlah penerbangan yang terlampau banyak diselenggara secara kerap, ia sendiri boleh memberi masalah kepada pesawat itu," katanya.

HELIKOPTER SIKORSKY S-61A-4 NURI



Peranan	Helikopter utiliti/SAR	Pengguna utama	Tentera Udara Diraja Malaysia
Negara pengeluar	Amerika Syarikat	Jumlah dibina	38 buah (asal)
Pengeluar	Sikorsky Aircraft	Kelainan	Sikorsky S-61L/N
Penerbangan sulung	11 Mac 1959		Sikorsky S-61R
Mula digunakan	1961		Westland Sea King
Status	Aktif		CH-124 Sea King

Fakta Grafik

GRAFIK HARIAN METRO: FHAMY HASHIM

KRONOLOGI HELIKOPTER NURI TUDM TERHEMPAS

25 April 1969: Nahas pertama Nuri membabitkan empat anggota TUDM terbunuh selepas terhempas di Kuching, Sarawak.

11 Mac 1972: Empat anggota TUDM terbunuh apabila Nuri terhempas di Gambang, Pahang.

26 April 1976: Sebelas kru dan penumpang terbunuh selepas Nuri ditembak dan terhempas dalam hutan di Gubir, Kedah.

19 Julai 1980: Sebuah Nuri terhempas di kawasan hutan dekat Ipoh, Perak namun semua 18 penumpang terselamat.

25 April 1981: Dua anggota TUDM terbunuh dan 13 lagi cedera dalam nahas ketika ribut di 30 batu nautika dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, Sarawak.

11 Julai 1981: Sebuah Nuri terhempas di Batu Melintang, Perak, tetapi semua 11 penumpang dan kru terselamat.

9 November 1989: Nahas terbesar membabitkan Nuri, apabila 21 orang termasuk 15 anggota Pasukan Polis Hutan terbunuh selepas terhempas di antara Gunung Gerah dan Gunung Bilah di sempadan Kelantan-Perak.

18 Disember 1989: Sebuah Nuri terhempas berhampiran Sungai Lundu, Sarawak, mengorbankan 16 anggota Tentera Darat dan TUDM, termasuk Pegawai Pemerintah Markas Divisyen Kedua, Mejar Jeneral Datuk Mustaffa Awang dan Pemerintah Briged Ketiga Infantri, Brigadier Jeneral Datuk Hasbullah Yusoff.

28 Ogos 1990: Nuri yang membawa sembilan orang dalam latihan pertunjukan udara sempena Hari Merdeka membuat pendaratan cemas di padang sebuah sekolah berhampiran Rawang, Selangor.

16 Januari 1991: Nuri dalam perjalanan dari Stesen TUDM Sungai Besi ke Kluang, Johor terhempas ketika membuat pendaratan kecemasan di sebuah estet di Kampung Parit Zin dekat Muar, Johor. Semua 12 anggota terselamat.

SMK Balung ditutup dua hari



*GURU di SMK
Balung, Tawau
melihat pesawat
Nuri milik TUDM
terhempas
di kawasan
sekolah mereka.*

Putrajaya: Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Balung, Tawau, Sabah ditutup dua hari iaitu semalam dan hari ini susulan insiden helikopter Nuri milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang terhempas di kawasan sekolah itu.

Kementerian Pendidikan dalam kenyataan berkata,

penutupan sekolah itu dipersetujui Kementerian bagi menjamin keselamatan serta membolehkan siasatan dan usaha pembersihan dijalankan tanpa gangguan.

"Ia juga adalah atas permohonan pengetua sekolah selepas mengambil kira nasihat daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Ja-

batan Bomba dan Penyelamat di kawasan berkenaan.

"Berikutan kejadian itu, Kementerian mengenal pasti tiga bangunan mengalami kerosakan iaitu kantin, Dewan yang dalam pembinaan dan sebahagian bumbung blok tiga tingkat bangunan sekolah," katanya.

Menurutnya, Kementerian

juga akan menilai kerosakan dan kos kerugian dialami.

Pada masa sama, katanya, pihak sekolah juga diarah membuat laporan rasmi kerosakan yang berlaku akibat insiden itu serta memastikan semua pelajar, guru dan kakitangan berada dalam keadaan selamat serta mendapat bantuan sewajarnya.

10 Jun 1991: Enam anggota tentera terbunuh apabila Nuri terhempas dan meletup di kawasan operasi tentera di Banding, Perak.

16 Oktober 1996: Dua terbunuh, tiga hilang, manakala dua selamat apabila Nuri terhempas di perairan Muka Head, Pulau Pinang.

19 Mac 1997: Seramai 11 anggota TUDM terbunuh apabila dua Nuri terhempas berhampiran Gunung Lumaku, Sipitang, Sabah. Sejak itu penggunaan Nuri digantung 11 bulan.

5 Mac 2004: Dua anggota TUDM maut selepas Nuri terhempas di Taman Udara, Butterworth.

30 Mac 2004: Tiga termasuk juruterbang selamat apabila Nuri mendarat cemas di Bukit Kalam, Labuan selepas mengalami masalah enjin.

15 Ogos 2004: Tiga maut manakala tujuh cedera selepas Nuri dinaiki terhempas di kawasan hutan Ba'Kelalan, Sarawak.

13 Julai 2007: Nuri bersama enam anggota TUDM terhempas berdekatan Terowong Genting Sempah, Genting Highlands, Pahang ketika penerbangan dari Lapangan Terbang Sungai Besi ke Pangkalan Udara Kuantan, Pahang.

23 Disember 2013: Nuri terpaksa melakukan pendaratan cemas di Pulau Perak, dekat Pulau Langkawi ketika menghantar bekalan kepada anggota tentera yang bertugas di atas pulau itu.